

Struktur Binaan Istana Puteri  
Bongsu,  
Taman Pantun,  
UKM



## Rumah Puteri Bongsu

Rumah Puteri Bongsu (turut dikenali dengan nama penghuni terakhirnya dengan panggilan Istana Tengku Fatimah Zaharah oleh pihak Muzium Negara Malaysia) pada asalnya adalah peninggalan kerabat DiRaja Kelantan, iaitu Tengku Hamidah, puteri bongsu kepada Sultan Mansur yang memerintah Kelantan pada tahun 1886-1889. Menurut maklumat persejarahan, Tengku Hamidah yang lebih dikenali sebagai Puteri Bongsu telah diwariskan Rumah Dapur dari kompleks Istana Sultan Mansur setelah beliau berkahwin dengan Tengku Chik. Mereka dikatakan telah membina Rumah Ibu dan berkemungkinan telah membeli modul Rumah Balai dan Rumah Tengah berdasarkan kaedah dan butiran binaan kedua-dua modul tersebut yang agak berbeza dengan Rumah Ibu. Setelah Tengku Hamidah meninggal dunia, rumah tersebut diwariskan pula kepada putera sulungnya Tengku Zainal Abidin bin Tengku Chik yang bergelar Tengku Sri Wangsa. Beliau bernikah dengan tiga orang isteri iaitu Wan Mariam, Nik Sarimah dan Tengku Aminah. Tengku Zainal Abidin telah membina tiga modul rumah berasingan untuk ketiga orang isterinya yang terletak di bahagian matahari jatuh. Semasa di zamannya, kompleks rumah tersebut dikenali sebagai rumah Tengku Sri Wangsa. Waris kedua rumah yang terletak di Jalan Mahmood, Kota Bharu, Kelantan ini ialah Tengku Fatimah Zaharah binti Tengku Chik. Tengku Fatimah Zahrah telah berkahwin dengan Tengku Sri Anuar tetapi bercerai selepas setengah tahun berkahwin. Perkahwinan keduanya adalah dengan Syed Abdul Rahman. Mereka dikurniakan seorang anak tetapi telah meninggal dunia sewaktu kecil. Dengan itu, Tengku Fatimah Zahrah telah mengambil seorang anak angkat iaitu Saleha binti Abdullah. Beliau telah membina sebuah modul rumah untuk Saleha yang terletak bersebelahan dengan Rumah Dapur tetapi berhampiran dengan Rumah Ibu. Setelah Tengku Fatimah Zahrah meninggal dunia rumah tersebut telah ditakbirkan oleh Tengku Muhamad Sihabudin bin Tengku Zainal Abidin yang beribukan Wan Mariam. Tekanan modenisasi dan perubahan masa menjadikan rumah tersebut tidak mampu bertahan lama dan tiada pewaris yang berminat untuk menjaganya menyebabkan rumah ini dijual kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Malaysia, JMM) pada 1 Jun 2000. Sejak itu, JMM telah memulakan usaha pemuliharaan dan penaskahan terhadapnya Pada November 2001, rumah tersebut telah dipindah dan dipasang semula sebagai komponen di Muzium Etnologi Dunia Melayu (kini dikenali sebagai Taman Pantun UKM). Walau bagaimanapun, pembatalan projek Muzium Etnologi Dunia Melayu menyebabkan rumah tersebut dibuka dan unsur binaannya disimpan di Muzium Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada tahun 2006, Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mengambilalih kerja-kerja pemuliharaan daripada JMM dan menjalankan proses


pemindahan semula rumah tersebut ke tapaknya terdahulu di Taman Pantun UKM. Kerja-kerja pemindahan dan pemasangan semula siap sepenuhnya pada 5 Disember 2006. Walau bagaimanapun, menurut waris kerabat Tengku Bongsu yang pernah tinggal di istana tersebut, bangunan yang dipasang di Taman Pantun merupakan hanya 50% dari bangunan istana asal. Selebihnya kemungkinan terlalu usang dan tidak dapat diselamatkan akibat proses penguraian (pereputan). Sebahagian unsur bangunan yang dipasang di Taman Pantun merupakan gantian baharu terhadap binaan rumah tersebut.

## Taman Pantun

Tumpuan kepada persekitaran semulajadi di sekeliling rumah tersebut di Taman Pantun yang dihijai dengan pepohon buah-buahan dan herba. Taman ini dikenali sebagai Taman Pantun kerana setiap pepohon di taman ini dilengkapi dengan serangkap pantun serta nama biasa dan saintifik pokok atau tumbuhan itu. Keadaan muka bumi yang rata, beralun dan beralur memperlihatkan tapak ini seperti peninggalan sebuah penempatan atau perkampungan lazim warisan Melayu.

### i- Rumah Bujang


Gabungan antara modul Rumah Dapur dan modul Rumah Ibu yang dihubungkan dengan jemuran merupakan rekabentuk asas rumah kediaman Orang Melayu termasuklah di Kelantan yang dikenali sebagai Rumah Bujang. Bagi rumah kediaman yang dihuni oleh keluarga diraja, lazimnya Rumah Ibunya juga mempunyai pintu masuk tanpa anak tangga dan lantainya berketinggian lebih kurang antara 8-10 kaki dari aras tanah iaitu menyamai ketinggian gajah bagi membolehkan mereka memasuki rumah tersebut dari kepala gajah tanpa turun ke tanah demi menjaga maruah dan darjat kebesaran disamping untuk tujuan keselamatan.



Rajah 1: Rumah Bujang Puteri Bongsu

## ii- Rumah setiap isteri Tengku Zainal Abidin

Modul rumah berasingan dibina bagi menempatkan ketiga- tiga isteri Tengku Zainal Abidin dan setiap modul rumah tersebut mempunyai ruang dapur dan tandas sendiri. Ketiga-tiga modul rumah tersebut ditempatkan di sebelah barat atau arah 'matahari jatuh' kompleks rumah tersebut dan dihubungkan kepada selasar atau ruang laluan utama melainkan Rumah Tengku Aminah yang terletak di bahagian hadapan dan mempunyai pintu masuk tersendiri.



Rajah 2: Rumah ketiga-tiga isteri Tengku Zainal Abidin yang dibina berasingan daripada bangunan induk

## iii- Rumah Dapur

Rumah Dapur merupakan modul yang paling besar berbanding dengan modul rumah yang lain. Modul Rumah Dapur juga mempunyai ruang memasak dan modul ruang menumbuk padi. Semasa proses perpindahan kompleks Rumah Tengku Bongsu ke UKM, modul Rumah Dapur tidak dibawa bersama sebaliknya telah diwakafkan untuk pembinaan sebuah masjid di Kampung Cempaka, Panji, Kota Bharu.



**Rajah 3: Rumah Dapur dan Rumah Tumbuk Padi**

**iv- Rumah Puan Saleha**

Modul Rumah Puan Saleha sebagai anak angkat kepada Tengku Fatimah Zaharah pula terletak bersebelahan dengan modul Rumah Dapur dan Rumah Ibu. Modul rumah tersebut di letakkan di sebelah belakang kerana Puan Saleha bukan dari keturunan diraja namun beliau amat disayangi oleh Tengku Fatimah Zaharah.



**Rajah 4: Rumah Puan Saleha Binti Abdullah**

**v- Rumah Mandi**

Bersebelahan dengan modul Rumah Ibu dibina modul bilik air dan tandas yang digunakan khusus oleh pemilik rumah. Modul tersebut berkedudukan bertentangan dengan modul Ruang Dapur di

sebelah 'matahari naik' dan dibina kerana keluarga diraja tidak akan berkongsi kemudahan tersebut bersama ahli keluarga yang lain demi memelihara martabat dan kebersendirian.



**Rajah 5: Modul bilik mandi dan tandas yang digunakan khusus untuk pemilik rumah.**

**vi- Selang/ Jemuran**


Ruang pemisah antara modul Rumah Ibu, Rumah Tengah dan juga Rumah Balai adalah ruang yang dikenali sebagai selang atau jemuran. Ruang ini juga adalah tempat pertemuan antara bumbung modul rumah. Ruang ini berperanan sebagai telaga udara untuk membekalkan pencahayaan dan pengudaraan semulajadi kepada modul rumah-rumah tersebut. Pembinaan lantai ruang ini dipasang secara berenggang untuk mengelakkan daripada air hujan bertakung disamping untuk menggalakkan pengudaraan silang.

**vii- Ukiran**

Struktur binaan bertingkap keliling menjadikan bangunan ini sarat dengan ukiran pada panel tingkap atau gunungan, lubang udara dan dindingnya. Ukiran yang terdapat pada bangunan ini terdiri daripada ukiran corak warisan Melayu iaitu kebanyakannya flora tempatan (tunjuk contoh close-up) serta kaligrafi ayat-ayat suci al-Quran (contoh close-up). Terdapat dua jenis ukiran iaitu tebuk timbus (contoh close-up) dan bunga timbul (contoh close-up).

**viii- Rumah Tiang Duabelas / Rumah Meleh**

Rumah berbumbung panjang di Kelantan dan Terengganu dinamakan Rumah Tiang Duabelas di mana Rumah Ibunya mempunyai 12 batang tiang. Di kedua-dua belah tebar layar di hujung bumbungnya dikemaskan dengan papan penutup perabung, dan kasau betina atau gulung-gulung yang dinamakan pemeles atau panggilan tempatan di Kelantan sebagai 'pemeleh' atau 'meleh' sementara di Terengganu di panggil 'tele'. Oleh itu Rumah Tiang Duabelas di Kelantan dipanggil Rumah Meleh sementara di Terengganu dipanggil Rumah Tele. Rumah Ibu untuk Rumah Meleh dan Rumah Tele lazimnya dibangunkan dengan 12 batang tiang jika untuk didiami oleh masyarakat kebanyakan. Jika rumah




tersebut didiami oleh raja atau keturunannya, binaan tersebut dibangun dengan 16 batang tiang bagi tujuan untuk membezakan dengan rumah masyarakat kebanyakan. Aras lantai Rumah Ibu lazimnya mempunyai darjat ketinggian yang paling atas iaitu antara 9 – 10 kaki tinggi. Rumah warisan Melayu dibina dengan lantainya berpanggung bagi tujuan untuk keselamatan dari banjir, mengatasi permasalahan dengan binatang, bersunyian dan kebersihan. Lantai berpanggung juga bertujuan untuk menggalakkan pengudaraan silang semulajadi di mana lazimnya suhu udara yang lebih sejuk dari bawah rumah lebih mudah untuk memasuki ke dalam rumah menerusi lantai yang jarang atau ruang bukaan antara beza tinggi lantai.

#### **ix- Tiang Seri**

Tiang merupakan bahagian perenggan pertama dalam gagasan binaan rumah warisan yang diibaratkan dan dikiaskan sebagai kaki manusia. Oleh itu rumah yang tidak bertiang bagi memanggung lantainya bolehlah diibaratkan sebagai kurang sempurna kerana ketiadaan kaki. Di antara tiang-tiang yang ada pada rumah warisan Melayu, terdapat sebatang tiang yang dinamakan Tiang Seri. Tiang seri merupakan tiang utama pada binaan rumah warisan Melayu. Lazimnya tiang seri didirikan pada Rumah Ibu yang berkedudukan menunggal di tengah ruang tanpa menyokong dinding. Tiang ini di sediakan dari sebatang pokok dengan tanpa ada sambungan yang berdiri dari atas tanah hingga ke kerangka bumbung. Dalam proses pembinaan, kedudukan tiang seri akan dikenalpasti di tapak binaan terlebih dahulu sebagai panduan untuk kedudukan tiang-tiang yang lain. Tiang seri merupakan tiang yang pertama didirikan dengan upacara khusus seperti doa selamat untuk tujuan memohon kesejahteraan kepada penghuni rumah. Tiang seri juga kadang kala dihiasi dengan ukiran indah bagi membezakannya dengan tiang yang lain. Kadang kala kedudukan tiang seri agak sukar untuk dikenalpasti terutamanya jika Rumah Ibunya mempunyai banyak tiang yang menunggal. Oleh itu bagi tujuan untuk mengenalpasti kedudukan tiang tersebut, lazimnya terletak pada barisan tiang kanan di tengah ruang pada talaan arah matahari jatuh dan di sebelah kanan dari pintu masuk sisi.

#### **x- Pintu masuk bilik**

Corak seni khat atau kaligrafi, menggunakan huruf Arab, terutamanya petikan al Quran dan tulisan Jawi di ukir di ambang pintu (atau juga dikenali sebagai kepala pintu). Kepingan papan berukir teknik tembus tidak bersilat dengan corak berperwatakan bunga cina dan sulur daun ini juga berperanan sebagai lubang angin. Di sekeliling pintu dihiasi dengan ukiran corak sulur daun dan penggunaan corak berunsur gaya purba iaitu kepala naga dengan teknik ukiran tidak tembus bersilat. Di kepingan pintu juga diukir dengan menggunakan jenis ukiran tembus tidak bersilat bercorakkan geometri.





## **BUMBUNG**


Dalam gagasan binaan rumah warisan, bumbung di bahagikan dalam perenggan ketiga yang dikiaskan sebagai kepala manusia. Bumbung merupakan unsur senibina terpenting pada reka bentuk senibina warisan Melayu. Ini adalah kerana bumbung dapat memberikan teduhan dari hujan dan sinaran matahari. Selanjutnya bumbung juga berperanan dalam memberikan nilai identity kepada sesebuah bangunan. Terdapat lima bentuk lazim bumbung senibina warisan Melayu iaitu pertama bentuk bumbung pisang sesikat, kedua bentuk bumbung panjang, ketiga bentuk bumbung meru, keempat bentuk bumbung limas dan kelima bentuk bumbung perabung lima. Bumbung pisang sesikat merupakan bentuk bumbung yang paling mudah iaitu kepingan kerangka bumbung yang mempunyai satu kecerunan. Untuk bangunan sesebuah, bumbung pisang sesikat lazimnya dibina ke atas bangunan yang bersifat sementara seperti pondok disawah padi atau warung jualan di tepi jalan, bangsal untuk perlindungan ternakan dan sebagainya. Untuk bangunan yang bersifat kekal, bumbung pisang sesikat sering digunakan untuk memayungi ruang tambahan pada binaan rumah seperti, serambi, anjung, tangga, pelancar dan sebagainya. Bumbung panjang merupakan reka bentuk bumbung asli rumah warisan Melayu. Bumbung ini boleh dikatakan gabungan antara dua bumbung pisang sesikat yang bertemu di puncaknya bagi memperolehi pelayungan yang lebih luas. Gabungan dua puncak bumbung tersebut dipanggil perabung. Perabung perlu kepada lapisan penutup yang dipanggil tutup rabung kerana ia terdedah kepada ketirisan air hujan sekiranya tidak di pasang dengan sempurna. Bumbung meru bolehlah diandaikan gabungan empat keping bumbung pisang sesikat yang setiap satunya menirus di puncak. Bumbung meru lazimnya digunakan khusus untuk memayungi binaan masjid. Bumbung meru tersebut juga dibina dengan bertingkat sama ada hanya satu, dua atau tiga tingkat bergantung pada keluasan ruang yang dipayungi. Bumbung perabung lima bolehlah diandaikan sebagai bumbung meru yang dibelah dua sama banyak di tengah-tengahnya. Belahan bumbung tersebut dianjukkan dan ditambahkan bumbung panjang di antara keduanya. Gabungan bumbung tersebut membentuk satu perabung panjang yang rata dan empat perabung sendeng yang menjadikannya bumbung yang mempunyai lima perabung. Bumbung limas merupakan gabungan antara bumbung perabung lima dan bumbung panjang di mana kedudukan tebar layar masih dikekalkan pada bumbung panjang dan diteruskan dengan binaan kepingan bumbung pisang sesikat di bawah tebar layar dengan perabung sendeng di kedua-dua belah sisinya. Lazimnya binaan bahagian berbumbung limas adalah untuk memayungi ruang serambi atau jemuran di kedua-dua hujung modul utama rumah.

Bumbung yang memayungi Rumah Puteri Bongsu adalah dari jenis Bumbung Limas dengan pengekal tebar layar dengan corak matahari terbit dan pemeles gaya warisan Kelantan.


### **xi- Papan Pemeles**

#### **(Nama lain: Peles, Pemeles & Papan Layang)**

Papan Pemeles ialah sepasang papan di kedua-dua hujung bahagian atas tebar layar, berbentuk sedikit melengkung atau meruncing ke atas yang berperanan untuk menutup hujung kasau betina atau gulung-gulung, hujung jeria dan kasau jantan. Panggilan tempatan untuk papan pemeles di Kelantan adalah







'meleh' sementara di Terengganu adalah 'tela'. Gaya binaan rumah warisan Melayu selain dari Kelantan dan Terengganu tidak menggunakan papan pemeles sebaliknya menggunakan kepingan papan rata dan kadangkala berukiran tebuk yang dipanggil papan layang atau papan cantik. Terdapat juga papan cantik yang diukir dengan corak kiasan naga atau binatang-binatang lain atau kiasan makhluk khayalan sebagai identity kepada pemilik rumah. Dipuncak pemeles juga sering dikepaskan dengan kayu tunjuk langit terutama pada bumbung limas. Tunjuk langit juga lazimnya dipasang pada penghujung kedua-dua perabung panjang di pertemuan dengan puncak perabung sendeng. Abdullah Mohamed (1985) mengaitkan pemeles dengan bentuk kelewang (seperti parang), ular naga dan makara yang menjadi lambang ketuhanan dan kehebatan.


## **xii- Tebar Layar**

Tebar layar merupakan kepingan papan berbentuk tiga segi yang dipasang bagi menutupi kedua-dua hujung bumbung panjang dan bumbung limas. Lazimnya terdapat tiga jenis gaya kemas tebar layar iaitu pertama susunan kepingan papan bercorak unsur cakerawala dengan kiasan matahari terbit. Kedua susunan papan yang berukiran tebuk dan ketiga kepingan bumbung pisang sesikat dengan menirus di bahagian atas. Tebar layar bercorak kiasan matahari terbit lazimnya dipasangkan kepada permukaan dinding yang menghadap matahari terbit dan matahari jatuh di mana berbetulan pula arah matahari jatuh bagi kedaerahan di Alam Melayu adalah menyamai dengan arah ke kiblat. Bagi tebar layar yang tidak menghadap ke arah matahari terbit dan matahari jatuh, corak atau bentuk tebar layar yang digunakan adalah yang selain dari bentuk matahari terbit sebagaimana yang dijelaskan.

## **xiii- Tutup Rabung**

**(Nama lain: Sulo Bayung / sulur bayu), Sayap Layang-layang, Sayap layangan, Anjong balla' & Som)**

Perabung untuk bumbung panjang, bumbung perabung lima dan bumbung limas memerlukan penutup rabung bagi menyematkan kepingan bumbung seterusnya menghindarkan ketirisan air hujan. Tutup rabung juga sering dihiasi dengan pelbagai bentuk dan corak bagi menggambarkan identity pemiliknya. Terdapat bentuk hiasan atau corak yang terdapat pada rabung panjang menggambarkan kiasan naga atau tulang naga bagi memberikan nilai keindahan di samping memenuhi hasrat sesuatu amalan (ritual). Perabung sendeng juga sering dihiasi dengan pelbagai bentuk dan corak khususnya di bahagian dasarnya yang dinamakan sulur bayu. Terdapat berbagai-bagai bentuk dan corak sulur bayu seperti kepala naga, makara (mahluk khayalan) ekor itik dan sebagainya. Sulur bayu yang terdapat pada bumbung Rumah Puteri Bongsu adalah ekor itik yang diperbuat daripada bahan konkrit.



## **DINDING**

Dinding merupakan struktur perenggan tengah bangunan yang disifatkan sebagai badan manusia. Dinding diibaratkan sebagai sempadan zahir dan sempadan tampak bagi dunia luar dengan dunia dalam. Selain berperanan sebagai pelindung daripada ancaman musuh dan kesan iklim seperti terik matahari dan hujan, dinding juga bertindak sebagai pelindung keaiban tuan rumah dan penghuni dari segi kerahsiaan dan juga penekanan gagasan Islam iaitu “melindungi” aurat bagi penghuni rumah.

### **i- Dinding Janda Berhias**

**(Nama lain: Janda Ria)**

Dinding Janda Berhias ialah kepingan papan kembang yang disusun secara berselang-seli secara menegak dan melintang, berpemidang dan berpetak-petak. Dinding ini diperbuat secara modular untuk digunapakai bagi tujuan pengubahsuaian ruang atau perpindahan rumah ke tapak lain. Dinding diperbuat daripada kayu cengal melambangkan status sosial atau darjat yang lebih tinggi. Antara kepingan papan kembang tersebut adalah yang dihiasi dengan ukiran bercorak tumbuh-tumbuhan, geometri, kiasan haiwan, kaligrafi dan sebagainya. Oleh itu, dinding ini lebih menyerlah dan sering digunakan oleh golongan berada dan di istana raja sahaja. Dinding ini dikenali sebagai janda berhias kerana menyamakan dinding ini dengan seorang perempuan janda yang cantik dan kaya di mana dahulunya hidup bergantung kepada suami atau orang sekelilingnya dan bergantung hidup dengan hasil mata pencariannya sendiri serta berserah hidup kepada Allah S.W.T (Abdullah Mohamed 1985). Dinding janda berhias lazimnya dipasang pada Rumah Ibu bagi memberikan darjat yang tertinggi kepada modul rumah tersebut.

### **ii- Sesiku Keluang (Ukiran tebuk tembus bersilat)**


**(Nama lain: Tupai-tupai & Tetupai)**

Sesiku Keluang (juga dikenali sebagai Tupai-tupai/ Tetupai) ialah kayu yang dipasang melekap pada tiang dan disarungkan pada hujung rasuk dan berperanan untuk mengampu bendul rasuk, alang dan sebagainya. Sesiku Keluang kebiasaannya diukir (tebuk tembus) dan sesetengahnya tidak ditebuk seperti tupai-tupai dan disendalkan antara rasuk dan bendul. (Yaakub Idris 1996).

### **iii- Kekisi**

**(Nama lain: Kisi-kisi, kekipas & jeriji)**

Kekisi ialah reka bentuk atau reka corak pada petak bukaan pada bahagian dinding yang berperanan sebagai pengedaran angin. Kebiasaannya kekisi diletakkan di bahagian atas untuk menghalang pandangan terus ke dalam bahagian rumah yang boleh memperlihatkan aurat penghuni rumah dan membenarkan peredaran angin dan cahaya keluar masuk di dalam ruang rumah. Kekisi biasanya diukir secara tembus bersilat atau tembus tak bersilat dengan ragam hias bercorak awan larat, geometri dan



kaligrafi potongan ayat al-Quran atau nama Allah dan nabi Muhammad S.A.W.

Terdapat juga kekisi yang diperbuat daripada silangan kayu kecil atau papan yang ditebuk bercorak bergantung pada kemampuan pemilik darisegi perbelanjaan.

### **Kesimpulan**

Pembinaan Rumah Tengku Bongsu di Taman Pantun, UKM merupakan salah satu usaha murni dalam pemuliharaan dan pemeliharaan salah satu senibina Melayu berusia lebih seabad. Ciri-ciri senibina Melayu yang masih kekal terutamanya di ruang ibu menjadikan rumah ini unik biarpun berusia ratusan tahun. Kewujudan rumah ini wajar dijadikan platform bagi pengkaji bidang senibina dan warisan khususnya untuk meneliti pendekatan asas pemikiran dan falsafah senibina Melayu dalam rekabentuk kompleks tersebut. Dalam masa yang sama kewujudan rumah ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelbagai pihak dan tanda sokongan terhadap kelestarian serta pembangunan senibina warisan Melayu yang telah semakin dilupakan.





## Rujukan

Abdullah Mohamed. 1985. Seni Bina Islam: Aplikasi di Malaysia. *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Century-old house of Kelantan royal family to be moved to museum in Bangi. 2000. *New Straits Times*. 1 Jun.

<http://raykinzoku.fotopages.com/?entry=1098286> [28 Oktober 2013]

Mastor Surat. 2007. *Pembangunan semula Rumah Tengku Bongsu di Taman Teknologi Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Institut Penyelidikan Tenaga Suria UKM (SERI) & Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA).

Mastor Surat. 2013. *Poster Rumah Tengku Bongsu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Rumah 160 tahun pindah ke Bangi. 2000. *Metro Ahad*. Jun 4.

Taman Pantun UKM dilancar. 2013. *Varsiti, Berita Harian*. 21 Mac.

Taman Pantun UKM dibuka kepada umum. 2013. *Harian Metro*. 1 Mac.

Yaakub Idris. 1996. *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

